

Struktur semula sistem pendidikan

► Supaya menepati keperluan dalam industri, kata Shafie

UB 25.1.2019 A3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

KOTAKINABALU: Sistem kandungan pendidikan khususnya di Sabah perlu ada penstrukturkan semula agar menepati keperluan dalam industri.

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal berkata, ilmu yang dipelajari anak-anak sepatutnya bersesuaian dengan kehendak industri.

Katanya, Kementerian Pelajaran dan Inovasi diwujudkan di negeri ini bagi memastikan bidang vokasional dan kolej-kolej

teknikal dapat menyediakan kandungan pendidikan yang diperlukan industri.

"Tidak mungkin kita dapat memenuhi keperluan industri sekiranya tiada kepakaran yang bersesuaian.

"Perubahan dalam sistem kandungan pendidikan hanya dapat direalisasikan menerusi perancangan kerajaan sebagai penggerak utama.

"Ini juga bagi memastikan industri bersedia mengambil anak-anak untuk bekerja selepas mereka tamat pengajian," katanya.

Beliau berkata demikian



SHAFIE bergambar dengan tetamu kehormat serta penerima bantuan sempena majlis itu.

pada Majlis Penyampaian Perdidikan 'One-Off' Yayasan Sabah dan Bantuan Balik Sekolah Menengah, di sini pada Khamis.

Shafie berkata, Sabah memiliki keupayaan sedia ada seperti industri minyak dan gas yang memerlukan lebih ramai kepakaran.

Justeru katanya, kerajaan sebagai penggerak utama mahu memastikan sistem kandungan pendidikan yang bersesuaian dapat distruktur semula.

Dalam pada itu, beliau mahu penstrukturkan semula Yayasan Sabah membolehkan lebih ramai anak Sabah menerima bantuan pendidikan.

Pada majlis itu, sebanyak RM 1.06 juta bantuan disampaikan kepada seramai 1,000 mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan 300 pelajar dari 10 sekolah menengah sekitar Kota Kinabalu.

Pelajar UMS yang terpilih menerima bantuan berjumlah RM1,000 dan RM200 disampaikan untuk pelajar sekolah menengah.

Sejak diperkenalkan pada 21 September tahun lepas, sebanyak RM10 juta sudah dilancarkan sempena bantuan biasiswa one-off tajaan Yayasan Sabah itu.

Turut hadir, Menteri Pelajaran dan Inovasi Datuk Dr Yusof Yacob, Pengarah Yayasan Sabah Datuk Jamalul Kiram Mohd Zakaria, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Datuk KY Mustafa dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin.

BANTUAN PENDIDIKAN & BANTUAN BALIK SEKOLAH MENENGAH
KOLABORASI KUMPULAN YAYASAN SABAH & UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



SHAFIE (dua dari kiri) dan Yusof (dua dari kanan) menyaksikan Jamalul (kiri) menyerahkan replika cek kepada Kamarudin (kanan) pada majlis itu.



PENYAMPAIAN Bantuan Balik Sekolah Menengah kepada pelajar dari 10 sekolah menengah sekitar Kota Kinabalu.